



Good food, Good life

TERMA DAN SYARAT

A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. <u>Penganjur:</u>	Nestlé Products Sdn. Bhd. [197901000966].
2. <u>Promosi:</u>	PERADUAN MAGGI, SAH MALAYSIA! 50 TAHUN BERSAMA.
3. <u>Tempoh Promosi:</u>	Promosi bermula jam 00:00:00 pada 01/08/2021 dan ditutup jam 23:59:59 pada 30/09/2021.
4. <u>Kelayakan:</u>	Promosi ini terbuka kepada semua penduduk individu Malaysia yang sah berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi, dan dengan dokumen pengenalan yang sah dan tempat tinggal yang beralamat di Malaysia. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.
5. <u>Produk Turut Serta & Kaedah Penyertaan:</u>	<p>a. Untuk menyertai Promosi, beli minima Ringgit Malaysia Lima [RM5] mana-mana produk MAGGI ["Produk"] dalam satu resit asal dari mana-mana kedai sepanjang Tempoh Promosi ["Resit"].</p> <p>i. Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak dan/atau resit bertulis dari sistem 'point of sales' atau invois cukai untuk pembelian dalam talian. Untuk invois cukai pembelian dalam talian dengan kod promosi dan/atau baucar diskaun, hanya jumlah pembayaran akhir yang akan diterima ["Resit"].</p> <p>ii. Resit mesti mengandungi nombor resit, tarikh resit, nama dan/atau logo kedai dan di mana pembelian dibuat dan Produk yang diperlukan dinyatakan dengan jelas ["Butiran Resit"]. Sekiranya tidak tertera, Resit perlu dicap dengan cap rasmi syarikat di mana pembelian dibuat.</p> <p>b. Terdapat dua [2] kaedah penyertaan dalam Promosi iaitu melalui WhatsApp atau Dalam Talian di laman web Promosi: https://www.omniweb.com.my/maggisahmalaysia2021. Semua kaedah penyertaan lain akan dibatalkan.</p> <p>c. Setiap Resit HANYA layak untuk satu [1] penyertaan melalui WhatsApp ATAU satu [1] Penyertaan Dalam Talian. Penganjur berhak untuk</p>

	<p>membatalkan penyertaan mana-mana penyertaan WhatsApp dan/atau Dalam Talian dengan Resit yang dicetak semula dan/atau diduplikasi dan/atau mengandungi lebih dari satu [1] Resit.</p> <p>d. Semasa proses pemilihan pemenang, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri mengikut jumlah Produk yang dibeli seperti yang dinyatakan dalam Resit yang dihantar. Untuk setiap Ringgit Malaysia Lima [RM5], Penganjur akan memperuntukkan satu [1] nombor bersiri maksima sehingga sepuluh [10] nombor bersiri sahaja. Sila rujuk klausula 9, klausula 11 dan klausula 13 di bawah.</p> <p><u>Sebagai contoh:</u></p> <p>Sekiranya anda membeli Produk sebanyak RM21.45 dalam satu resit semasa Tempoh Promosi, Penganjur akan memperuntukkan 4 nombor bersiri.</p> <p>Sekiranya anda membeli Produk sebanyak RM62.50 dalam satu resit semasa Tempoh Promosi, Penganjur akan memperuntukkan 10 nombor bersiri.</p>
6. <u>Kaedah Penyertaan Melalui WhatsApp & Dalam Talian:</u>	<p>a. <u>Langkah-langkah penyertaan WhatsApp:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> Tulis di depan Resit nama penuh anda, nombor pengenalan dan <u>Negeri alamat rumah anda</u> ["Butiran Peribadi"]. <u>Contoh, tulis di atas Resit:</u> Roslan Bin Husin 861202015555 Johor Tangkap satu [1] gambar/imej <u>yang jelas dan boleh dibaca</u> dalam Format JPEG, satu [1] Resit lengkap dengan Butiran Peribadi dan Butiran Resit ["Imej JPEG"]. Satu [1] Imej mesti mengandungi gambar satu [1] Resit sahaja. Hantar satu [1] Imej JPEG melalui WhatsApp dari mana-mana nombor yang berdaftar di Malaysia ke 018-388 0131 ["Penyertaan WhatsApp"]. Penganjur AKAN auto-balas dengan laporan perakuan penerimaan penyertaan untuk setiap Penyertaan WhatsApp yang diterima. <p>b. <u>Langkah-langkah penyertaan Dalam Talian:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> Lawati Laman Web Promosi: https://www.omniweb.com.my/maggisahmalaysia2021 ATAU imbas kod QR yang tertera di poster dan risalah Promosi. Lengkapkan butiran yang diperlukan dalam Borang Web yang disediakan di Laman Web Promosi dan tulis di depan Resit nama penuh anda, nombor pengenalan dan <u>Negeri alamat rumah anda</u> ["Butiran Peribadi"]. <u>Contoh, tulis di atas Resit:</u> Roslan Bin Husin 861202015555 Johor Tangkap satu [1] gambar/imej yang jelas dan boleh dibaca dalam Format JPEG, satu [1] Resit lengkap dengan Butiran Peribadi dan Butiran Resit ["Imej JPEG"]. Satu [1] Imej mesti mengandungi

	<p>gambar satu [1] Resit sahaja.</p> <p>iv. Muat naik Imej JPEG di Borang Web dan hantar [“Penyertaan Dalam Talian”].</p> <p>c. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan WhatsApp dan Dalam Talian yang diterima untuk proses selanjutnya. Penyertaan WhatsApp dan Dalam Talian yang tidak jelas, tidak dapat dibaca dan/atau tidak lengkap akan dibatalkan.</p> <p>d. Penganjur berhak untuk meminta Resit asal [salinan cetak] sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Resit apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan hadiah.</p> <p>e. Semua Penyertaan WhatsApp dan Dalam Talian yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur.</p>
7. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u>	Semua Penyertaan WhatsApp dan Dalam Talian mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 30/09/2021. Semua Penyertaan WhatsApp dan Dalam Talian yang diterima di luar Tempoh Promosi akan dibatalkan secara automatik.
8. <u>Hadiah Mingguan – Mengikut Negeri:</u>	<p>a. Terdapat sepuluh [10] Hadiah Mingguan dalam bentuk Kad Hadiah PETRONAS bernilai RM150 setiap satu untuk dimenangi selama sembilan [9] minggu berturut-turut di setiap negeri (sejumlah empat belas [14] negeri) di Malaysia. Secara keseluruhannya, terdapat satu ribu dua ratus enam puluh [1260] Hadiah Mingguan yang akan dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>b. Empat belas [14] negeri di Malaysia adalah seperti di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Wilayah Persekutuan – Kuala Lumpur, Putrajaya & Labuan ii. Johor iii. Kedah iv. Kelantan v. Melaka vi. Negeri Sembilan vii. Pahang viii. Pulau Pinang ix. Perak x. Perlis xi. Sabah xii. Sarawak xiii. Selangor xiv. Terengganu

	<p>c. Sembilan [9] tempoh mingguan adalah seperti di bawah:</p> <table border="0"> <tr> <td>Minggu 1: 01/08 – 07/08/2021</td><td>Minggu 2: 08/08 – 14/08/2021</td></tr> <tr> <td>Minggu 3: 15/08 – 21/08/2021</td><td>Minggu 4: 22/08 – 28/08/2021</td></tr> <tr> <td>Minggu 5: 29/08 – 04/09/2021</td><td>Minggu 6: 05/09 – 11/09/2021</td></tr> <tr> <td>Minggu 7: 12/09 – 18/09/2021</td><td>Minggu 8: 19/09 – 25/09/2021</td></tr> <tr> <td>Minggu 9: 26/09 – 30/09/2021</td><td></td></tr> </table>	Minggu 1: 01/08 – 07/08/2021	Minggu 2: 08/08 – 14/08/2021	Minggu 3: 15/08 – 21/08/2021	Minggu 4: 22/08 – 28/08/2021	Minggu 5: 29/08 – 04/09/2021	Minggu 6: 05/09 – 11/09/2021	Minggu 7: 12/09 – 18/09/2021	Minggu 8: 19/09 – 25/09/2021	Minggu 9: 26/09 – 30/09/2021	
Minggu 1: 01/08 – 07/08/2021	Minggu 2: 08/08 – 14/08/2021										
Minggu 3: 15/08 – 21/08/2021	Minggu 4: 22/08 – 28/08/2021										
Minggu 5: 29/08 – 04/09/2021	Minggu 6: 05/09 – 11/09/2021										
Minggu 7: 12/09 – 18/09/2021	Minggu 8: 19/09 – 25/09/2021										
Minggu 9: 26/09 – 30/09/2021											
9. <u>Hadiah Mingguan - Maklumat Pengadilan Mengikut Negeri:</u>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan finalis hadiah mingguan, Penganjur akan menyusun kira Penyertaan yang diterima berdasarkan empat belas [14] negeri di Malaysia dan memperuntukkan nombor bersiri, <u>maksima sehingga sepuluh [10] nombor bersiri</u> untuk setiap Penyertaan WhatsApp dan Dalam Talian yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sebagai penyertaan yang berjaya setiap minggu, sepanjang Tempoh Promosi berdasarkan BP yang diterima dan Jadual BP [setiap satu dan secara kolektif “Penyertaan Layak”]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan bagi Penyertaan Layak di setiap negeri bermula dengan nombor bersiri “1”.</p> <p>b. Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak [“Jumlah Penyertaan Layak”]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak diterima dengan alamat rumah di bawah negeri Johor bagi minggu tersebut ialah 208 Penganjur akan mengira dan memilih Finalis hadiah mingguan negeri Johor berdasarkan cara berikut:</p> <p>i. Pemilihan mingguan sepuluh [10] Finalis Hadiah Mingguan negeri Johor: $208 \div 10 = 20.8$. Oleh sebab pembahagian 208 dengan 10 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 20.8 akan dibundarkan ke bawah kepada 20. 10 Peserta dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 20*, 40*, 60*, 80, 100 dan seterusnya. [*contoh pengiraan: 20, $20+20=40$, $40+20=60$].</p>										
10. <u>Hadiah Pertama – Mengikut Negeri:</u>	Terdapat tiga [3] Hadiah Pertama berupa wang tunai RM5000 setiap satu untuk dimenangi di setiap empat belas [14] negeri di Malaysia sepanjang Tempoh Promosi. Secara keseluruhannya, terdapat empat puluh dua [42] Hadiah Pertama yang akan dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.										
11. <u>Maklumat Pengadilan – Hadiah Pertama - Mengikut Negeri:</u>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan finalis Hadiah Pertama, SEMUA Penyertaan Layak yang diterima berdasarkan empat belas [14] negeri di Malaysia, akan dikumpul dan diproses oleh Penganjur semasa proses pemilihan finalis mingguan dan sepanjang Tempoh Promosi untuk setiap negeri akan secara berasingan diperuntukkan satu set nombor bersiri <u>maksima sehingga sepuluh [10] nombor bersiri</u> untuk setiap Penyertaan WhatsApp dan Dalam Talian yang diterima bermula</p>										

	<p>dengan nombor bersiri “1”.</p> <p>b. Di akhir Tempoh Peraduan, nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak di setiap negeri akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak [“Jumlah Penyertaan Layak”]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak diterima dengan alamat rumah di bawah negeri Johor ialah <u>2248</u>, Pengajur akan mengira dan memilih Finalis Hadiah Pertama negeri Johor berdasarkan cara berikut:</p> <p>i. Pemilihan tiga [3] Finalis Hadiah Pertama: $2248 \div 3 = \underline{749.3}$. Oleh sebab pembahagian 2248 dengan 3 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 749.3 akan dibundarkan ke bawah kepada 749. 3 Peserta dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 749*, 1498* dan 2247*. [*contoh pengiraan: <u>749</u>, $749+749=\underline{1498}$, $1498+748=\underline{2247}$].</p>
12. <u>Hadiah Utama – Seluruh Negara:</u>	Terdapat satu [1] Hadiah Utama berupa wang tunai RM50000 untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.
13. <u>Maklumat Pengadilan – Hadiah Utama:</u>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan finalis Hadiah Utama, SEMUA Penyertaan Layak dikumpul dan diproses oleh Pengajur semasa proses pemilihan finalis mingguan dan sepanjang Tempoh Promosi akan secara berasingan diperuntukkan satu set nombor bersiri <u>maksima sehingga sepuluh [10] nombor bersiri</u> untuk setiap Penyertaan WhatsApp dan Dalam Talian yang diterima bermula dengan nombor bersiri “1”.</p> <p>b. Di akhir Tempoh Peraduan, nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak [“Jumlah Penyertaan Layak”]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak diterima ialah <u>22471</u>, Pengajur akan mengira dan memilih Finalis Hadiah Utama berdasarkan cara berikut:</p> <p>i. Pemilihan satu [1] Finalis Hadiah Utama: $22471 \div 2 = \underline{11235.5}$. Oleh sebab pembahagian 22471 dengan 2 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 11235.5 akan dibundarkan ke bawah kepada 11235. Peserta dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 11235.</p>
14. <u>Termasuk:</u>	<p>a. Pengajur akan menghubungi semua Finalis terpilih menerusi nombor telefon bimbit yang diterima oleh Pengajur dalam Penyertaan Layak.</p>

Tambahan:	<p>Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu [1] soalan untuk dijawab. Finalis terpilih mesti menjawab soalan yang dikemukakan oleh Pengajur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Pengajur dalam masa yang dinyatakan akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Pengajur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab.</p> <ul style="list-style-type: none"> b. Setiap peserta hanya boleh memenangi di sepanjang Tempoh Promosi: <ul style="list-style-type: none"> i. Satu [1] Hadiah Mingguan setiap minggu, [maksima sehingga dua [2] Hadiah Mingguan], ii. Sama ada satu [1] Hadiah Pertama atau satu [1] Hadiah Utama. c. Semua hadiah Kad Hadiah PETRONAS akan dihantar kepada alamat rumah yang diberikan pemenang dalam tempoh 6 – 8 minggu dari 30/09/2021. Hadiah TIDAK akan dihantar ke alamat lain selain daripada alamat rumah yang diberikan oleh pemenang di Penyertaan WhatsApp atau Dalam Talian mereka. d. Semua hadiah wang tunai akan dikreditkan ke dalam akaun bank tempatan pemenang dalam tempoh 6 – 8 minggu dari 30/09/2021. Semua pemenang MESTI memberikan nombor akaun bank tempatan peribadi mereka apabila diminta. Pengajur berhak untuk melucutkan hadiah wang tunai jika butiran akaun bank tempatan yang diberikan BUKAN di atas nama pemenang dan/atau jika pemenang gagal untuk memberikan butiran akaun bank tempatan apabila diminta. e. Pengajur berhak untuk memperpanjang jangka masa pemenuhan hadiah yang dinyatakan di bawah klausula ini kerana alasan di luar kawalan Pengajur. f. Semua hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditentukan oleh Pengajur akan dibatalkan. g. Laman Web Promosi akan dikendalikan oleh Penyedia Perkhidmatan Pengajur. h. Pengajur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka dan di luar kawalan Pengajur seperti campur tangan pihak pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan,
------------------	--

	<p>permusuhan, kecemasan nasional, atau berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.</p> <p>i. Pengajur tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan yang berlaku pada hadiah semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (seperti perbelanjaan perjalanan, kos pengangkutan, duti dan cukai) yang terlibat untuk menebus atau mengambil hadiah akan ditanggung oleh pemenang dengan kos mereka sendiri.</p>
--	--

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan yang boleh didapati di <https://www.maggi.my/ms/aktiviti-maggi/> dan <https://www.maggi.my/en/maggi-happenings/>, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”)

Dengan menyertai promosi, anda telah membaca dan bersetuju dengan Terma dan Syarat dan pemprosesan maklumat peribadi anda dalam Notis Privasi.

Talian Perkhidmatan Pengguna: 1800 88 3433.
